

# buletin *Selangorku Sayang*

BIL 3 | JULAI - SEPTEMBER | 2014 | EDARAN PERCUMA



## EKSPEDISI KEMBARA MERDEKA **MPS TAWAN PUNCAK KINABALU**

Kembara Merdeka Mendaki Gunung Kinabalu anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah mencatat sejarah apabila berjaya mengibar Jalur Gemilang dan bendera MPS di puncak Kinabalu pada 24 Ogos 2014.

Ekspedisi yang melibatkan 12 orang kakitangan MPS diadakan bersempena dengan ulang tahun MPS ke-17 dan Hari Kemerdekaan ke-57.

Seramai 29 orang telah menyertai pemilihan dengan sasaran untuk memilih 12 orang pendaki yang berkemampuan. Proses

pemilihan pendaki diadakan dengan beberapa ujian fizikal antaranya larian dan mendaki. Sebelum pendakian, mereka telah diberikan latihan oleh jurulatih yang bertauliah.

Program ini diketuai Tuan Mohammad Zain b. A Hamid, Timbalan YDP MPS. Beliau yang merupakan Yang Dipertua KSDK berharap selain untuk menguji ketahanan mental dan fizikal, ianya dapat merapatkan lagi hubungan dan semangat kerjasama di kalangan kakitangan.



## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Tuan Mohd. Azizi B. Mohd. Zain  
ydp@mps.gov.my  
Tuan Mohamad Zain B. A Hamid  
mohamadzain@mps.gov.my

### KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin B. Masoad  
zin@mps.gov.my

### PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi B. Ishak  
ahmad\_fauzi@mps.gov.my

### PENGARANG

En. Azhar B. Che Salleh  
azhar\_salleh@mps.gov.my  
En. Jamaluddin Bin Mat Dari  
jamaluddin\_salleh@mps.gov.my  
Pn. Zauyah Bt. Idris  
zauyah@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza Binti Hassan  
norhasliza@mps.gov.my  
Pn. Noraswalzha Bt. Ibrahim  
aslbrahim26@gmail.com  
Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman  
maisarah@mps.gov.my

### PEREKA LETAK

Cik Erni Yusliza Bt. Zainuddin  
erni@mps.gov.my

### JURUFOTO

Cik Anissapinah Bt. Mohd Dan  
anis@mps.gov.my

### DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada;

### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3,  
Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728  
E-mel: aduanmps@mps.gov.my  
Tollfree: 1800-222-677

### Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera

Buletin Selayangku Sayang Edisi 3/2014 bersua lagi dengan rakaman peristiwa sepanjang tempoh suku tahun ketiga 2014 bermulai bulan Julai hingga September 2014.

Keluaran kali ini memaparkan dengan lebih padat tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh MPS. Tentunya apa yang dilaksanakan mempunyai mesej dan sasaran masing-masing. Bermula dengan musim puasa yang mempunyai ciri kerohanian dan kasih sayang kepada majlis sambutan kesedaran dan program yang memotivasi .

Namun, walau apa pun isunya tugas, peranan dan tanggungjawab mesti diteruskan. Janji-janji kita yang dinyatakan melalui Piagam Pelanggan dan KPI mesti kita tunaikan. Justeru, bagi memastikan perkhidmatan Majlis kepada masyarakat sentiasa kompetitif, kita semua perlu mengamalkan budaya kerja yang berorientasikan "outcome" bukan "output" semata-mata. Sasaran kita adalah kepada impak atau "outcome" dari sesuatu tindakan atau keputusan yang telah diambil, dan bukannya terhadap proses semata-mata.

Berdepan dengan kehendak pelanggan yang semakin meningkat dan mencabar memerlukan penjawat awam seperti kita yang boleh berfikir atau "the thinking public service". Kepuasan pelanggan merupakan sesuatu yang perlu diutamakan, supaya perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis sentiasa relevan. Justeru, dalam memberikan perkhidmatan terbaik, penjawat awam perlu berfikiran positif, prihatin dan bijaksana dalam berurusan dengan pelanggan.


Akhir kata, diharapkan agar paparan di dalam Buletin Selayangku Sayang edisi ke-3 ini dapat membuka minda, mencetus inspirasi dan dapat memberi input bermanfaat kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.

MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

## TAHNIAH YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI DI ATAS PERLANTIKAN YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



TUAN YDP mewakili semua warga kerja MPS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat maju jaya kepada YAB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali di atas perlantikan sebagai Dato' Menteri Besar Selangor pada 23 September 2014. Tuan YDP menyampaikan ucapan tersebut di Mesyuarat Majlis Bil. 8/2014 pada 30 September 2014.

Tuan Yang Dipertua menyeru kepada semua Ahli Majlis, barisan pengurusan dan semua kakitangan MPS supaya sentiasa memberikan kerjasama penuh terhadap barisan kepimpinan baru ini.



## MAJLIS PENYERAHAN LEMBU KORBAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2014

**PERBADANAN Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)** telah mengadakan Majlis Penyerahan Lembu Sumbangan Kerajaan Negeri Selangor sempena Hari Raya Aidiladha di Selangor Fruit Valley, Rawang pada 24 September 2014.

YAB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan simbolik agihan lembu.

Sebanyak 763 ekor lembu telah diagihkan kepada seluruh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan para penyumbang.

Program ini melibatkan kos keseluruhan RM2.8 juta dan ditanggung sepenuhnya oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor iaitu PKP, PKNS, Worldwide Holdings Bhd, KDEB, MBI, PNSB dan KSSB.

Tuan YDP turut hadir untuk menerima sumbangan sebanyak dua ekor lembu kepada MPS.





JULAI 23/7/2014

### Waran Tahanan Tunggakan Cukai

Pihak MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM250.00 ke atas bermula 16 April 2014. Sebanyak 20,573 keping waran telah dikeluarkan dan dihantar sehingga 30 Jun 2014. Pihak Majlis juga telah melaksanakan tindakan rampasan bagi pemilik yang gagal menjelaskan bayaran cukai taksiran setelah tempoh waran tamat. Sebanyak 628 rampasan telah dilaksanakan setakat 31 Julai 2014.

### Cadangan Pembelian Atau Penyewaan 'Road Sweeper' Dan Penyediaan 'Handheld Blower' Oleh Pihak Kontraktor

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dalam proses pembelian peralatan 'road sweeper' dan 'handheld blower' bagi tujuan pembersihan daun-daun dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Tn. Gunarajah a/l R. George, Ahli Majlis mencadangkan agar pihak kontraktor turut membeli peralatan tersebut untuk digunakan sewaktu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

### Permohonan Penggunaan Peruntukan Kerja Penyelenggaraan Dan Infrastruktur Ahli Majlis



Mesyuarat telah membincangkan dan bersetuju mengenai permohonan penggunaan peruntukan kerja penyelenggaraan dan infrastruktur Ahli Majlis untuk menyelesaikan aduan yang dibangkitkan terutamanya aduan yang diterima daripada Ahli Majlis sendiri.

Sehubungan dengan itu, peruntukan yang akan digunakan dimulakan dengan peruntukan zon angkat terlebih dahulu dan ia akan mula dilaksanakan pada dua (2) bulan terakhir 2014 serta selepas peruntukan jabatan telah digunakan sepenuhnya.

OGOS- 27/8/2014

### Pembukaan Kaunter Luaran Bagi Program Pembaharuan Lesen Perniagaan

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Pelesenan akan membuka kaunter luaran pembaharuan lesen perniagaan kepada orang awam mulai 15 Oktober 2014 di empat (4) buah lokasi pusat membeli-belah iaitu Jaya Jusco, Tesco, Selayang Mall dan Giant Batu Caves.

### Program Membuat Beg Kitar Semula Bersama Persatuan Ibu Tunggal

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan satu perbincangan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Gombak dan tiga

(3) Persatuan Ibu Tunggal pada 18 September 2014.

Sebuah syarikat dikenalpasti menganjurkan latihan kraftangan kepada persatuan ibu tunggal iaitu Pusat Latihan Kraftangan Epal yang berpusat di Bandar Puteri, Puchong. Di samping itu, pihak JKM Gombak telah memberi senarai nama persatuan ibu tunggal kepada pihak jabatan untuk dihantar ke sesi latihan membuat beg kitar semula tersebut.

Sehubungan dengan itu, pihak jabatan akan menjemput syarikat tersebut ke dalam sesi pembentangan kertas cadangan ini pada Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan pada bulan Oktober 2014.

SEPTEMBER- 30/9/2014

### Penyelesaian Aduan Mengenai Masalah Anjing Liar Dan Strategi Menangani Masalah Denggi

Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu program gotong-royong serentak di Selangor akan dijalankan bagi tujuan membasmi pembiakan nyamuk Aedes.

Tuan Yang Dipertua meminta pihak jabatan menyediakan satu papan tanda khas yang memaparkan mengenai bilangan kes kematian denggi tertinggi di Daerah Gombak. Papan tanda tersebut dicadangkan dipasang di kawasan 'hot spot' yang bersesuaian.

Selain itu, Jabatan Kesihatan telah membentangkan isu mengenai kawalan anjing liar dalam Mesyuarat Pengurusan MPS bil.10/2014.

Sehubungan dengan itu, Tn. Gunarajah a/l R. George, Ahli Majlis menyarankan agar Jabatan Kesihatan memberi keutamaan di kawasan komersial seperti di restoran dan kawasan kilang supaya meningkatkan penangkapan anjing liar. Beliau juga menyarankan agar unit penangkapan anjing liar dianggotai dengan lebih ramai lagi.

Selain itu, Tn. Amir Fazlee b. Khalid, Ahli Majlis meminta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam melihat semula penjadualan kutipan sampah di kawasan apartment. Selain dari itu, tempat pembuangan sampah sementara di kawasan tepi jalan perlu diambil kira dari segi kebersihan.

## LAWATAN APB 5S KE PEJABAT JKR NEGERI SELANGOR



**JAWATANKUASA** Latihan APB 5S MPS telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor di Shah Alam pada 29 September 2014. Seramai 40 kakitangan yang terdiri dari Urusetia, Ahli Jawatankuasa Audit, PIC Zon dan Ahli Jawatankuasa Latihan telah menyertai lawatan tersebut yang telah diketuai oleh Encik Jamaluddin bin Mat Dari iaitu Setiausaha Jawatankuasa Induk Latihan APB 5S MPS.

Tujuan lawatan adalah untuk penambahbaikan dan melihat pelaksanaan APB 5S khususnya dari segi pengurusan fail dan

rekod. Taklimat lawatan tersebut telah disampaikan oleh Tuan Ir. Ab. Hamid bin Md Daud, Timbalan Pengarah JKR Negeri Selangor.

Peserta-peserta telah dibawa melawat pelaksanaan APB 5S di Pejabat JKR Negeri seperti lawatan bilik fail Bahagian Arkitek, Pentadbiran dan Kewangan. Peserta-peserta juga berpeluang melihat pelaksanaan APB 5S pada ruang kerja kakitangan.

## PEMERIKSAAN PROJEK KIK ANUGERAH KONVENTSYEN PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR

DUA Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) MPS iaitu Kumpulan EvH, Jabatan Kesihatan dan Kumpulan MAURIS, Jabatan Kejuruteraan telah dipilih untuk menyertai Konvensyen Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor bagi tahun 2014.

Pemeriksaan projek telah dilakukan oleh panel juri daripada SUK pada 28 Ogos 2014. Penilaian skema pemarkahan KIK adalah mengikut 4 kategori iaitu 30 % Pemeriksaan Projek KIK, 40% Penilaian Projek KIK Melalui Dokumentasi, 20% Penilaian Persembahan Projek KIK dan 10% Penilaian Pameran Projek KIK.



## PERTANDINGAN APB 5S

UNTUK menggalakkan semangat dan kesedaran APB 5S, Jawatan Kuasa Induk telah memutuskan untuk membuat pertandingan di antara zon.

Sehubungan dengan itu, Pasukan Audit Dalam APB 5S telah membuat penilaian pada 23 - 25 September, 2014.

Pasukan Audit dibahagi kepada 3 kumpulan. Kumpulan pertama memeriksa sudut 5S, dokumen, fail 5S dan kefahaman 5S.

Kumpulan 2 memeriksa ruang kerja, tanda arah, petunjuk, peringatan, tandas jabatan dan bilik fail serta kabinet fail. Kumpulan 3 pula memeriksa stor.



## BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK 2016-2020 MPS **MPS SASAR STATUS BANDARAYA MENJELANG 2020**



**BENGKEL** Pembangunan Pelan Strategik 2016-2020 MPS telah diadakan pada 25 hingga 27 September 2014 di Holiday Inn, Melaka. Tujuan bengkel ini diadakan bagi melihat dan mengkaji semula Pelan Strategik MPS 2011-2015 dan sebagai persediaan MPS merangka Pelan Strategik yang baru. Bengkel turut dihadiri oleh Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-pengarah Jabatan MPS.

Perbincangan telah diatur mengikut kumpulan berdasarkan enam objektif strategik seperti berikut:

1. Memantapkan tadbir urus bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi.
2. Memantapkan kapasiti organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.
3. Memperkasakan pengurusan kewangan bagi memantapkan penggunaan sumber hasil.
4. Memantapkan pengurusan perbandaran yang efisyen dan efektif bagi memacu kehidupan yang lebih berkualiti.
5. Memperkuuhkan penggunaan ICT bagi meningkatkan pencapaian perkhidmatan.
6. Memperkuuhkan dan mengeratkan kolaborasi antara MPS dan rakan strategik bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.

## AUDIT PENARAFAN BINTANG BAHASA KEBANGSAAN PBT

**PENGAUDITAN** Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK-PBT) telah diadakan pada 22 September 2014.

Seramai tiga orang panel yang diketuai oleh Dr. Mardian Shah Omar telah melakukan pemeriksaan untuk menilai sejauh mana penggunaan bahasa kebangsaan yang betul di PBT.

Sebanyak empat komponen penilaian yang dilakukan iaitu penggunaan bahasa kebangsaan pada dokumen rasmi dan pematuhan undang-undang, dasar dan garis panduan berhubung penggunaan bahasa kebangsaan, di tempat awam, komitmen dan inisiatif pengurusan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan serta inventori, pemantauan dan penguatkuasaan.



## KEMBARA RAMADHAN 2014 “JALINAN KASIH RAMADHAN”

**KEMBARA** Ramadhan merupakan aktiviti luar yang julung-julung kali diadakan pada tahun ini bersempena Ramadhan 1435H dengan slogan “Jalinan Kasih Ramadhan”

Tujuan aktiviti ini diadakan bagi merapatkan hubungan MPS dengan masyarakat luar. Biro Agama dan Kebajikan serta Biro Rekreasi, KSDK, MPS menyampaikan sumbangan kakitangan kepada masyarakat di masjid, surau dan tempat awam di sekitar Selayang pada bulan yang mulia ini. Sumbangan berbentuk buah kurma, air mineral dan sumbangan lain turut diberi.



## MAJLIS BERBUKA PUASA MPS “RAMADHAN DISYUKURI, SYAWAL DINIKMATI”



**MAJLIS** Berbuka Puasa MPS telah diadakan pada 18 Julai 2014 di Lobi Menara MPS.

Aktiviti dimulakan dengan ceramah agama oleh Ustaz Zull Hazwan bin Ismail dan Ustaz Aswad bin Nasrum. Ceramah telah dipengerusikan oleh Ustaz Mohd Fauzan bin Madzlan, Ahli Majlis MPS.

Selepas majlis berbuka dan solat maghrib, Tuan YDP telah menyampaikan sumbangan kepada rumah anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shukur (PEKAES), Bandar Tasik Puteri, Rawang. Turut hadir ialah YB. Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Ahli-ahli Majlis dan seramai 300 orang kakitangan.



## MPS Sumbang Bubur Lambuk

**PROGRAM** memasak bubur lambuk telah diadakan pada 16 Julai 2014 bersamaan 18 Ramadhan 1435H di perkarangan tempat letak kereta bangunan MPS. Sebanyak lapan periuk bubur lambuk telah diagharkan kepada semua kakitangan MPS. Di samping itu, sumbangan bubur lambuk turut diberi kepada anak-anak yatim.



## IMARAH Ramadhan Bersama Asnaf

**PROGRAM** ini merupakan anjuran MPS dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita MPS dan dibantu oleh pihak pengurusan Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves. Program yang diadakan pada 20 Julai 2014 ini bertujuan untuk menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf agar mereka tidak merasa terpinggir dalam menyambut bulan Ramadhan serta meraikan Hari Raya Aidilfitri. Program ini juga dapat meringankan sedikit bebanan perbelanjaan yang ditanggung oleh golongan asnaf yang kurang berkemampuan dalam menguruskan kehidupan sehari-hari mereka. Program ini melibatkan Ahli Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita MPS daripada 24 zon dan Pusat-pusat Wanita Berdaya Batu Caves, Templer, Gombak Setia, Rawang dan Kuang.





# EKSPEDISI KEMBARA MENDAKI GUNUNG **PUNCAK KINABALU**



## MAJLIS PENYERAHAN BENDERA EKSPEDISI KEMBARA MERDEKA

**PENYERAHAN** bendera sempena Program Ekspedisi Kembara Merdeka Gunung Kinabalu telah diadakan pada 11 Ogos di Lobi Menara MPS. Program ini dengan kerjasama di antara Biro Rekreasi, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS dan Majlis Perbandaran Selayang yang julung-julung kalinya diadakan bagi menawan puncak Gunung Kinabalu sempena 15 tahun MPS serta Hari Kemerdekaan yang ke-57 yang melibatkan kakitangan MPS sahaja.

Seramai 29 orang telah menyertai pemilihan diperingkat saringan dan hanya 12 orang yang terbaik telah terpilih.

### Senarai Pendaki Ekspedisi Kembara Merdeka MPS 2014

#### Jab. Penguatkuasa dan Keselamatan

- En. Mohd Najib bin Tairuddin,
- Cik Zulaiha binti Mohd Khalid

#### Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta

- En. Mohd Khairuddin bin Rosli,
- En. Ridzuanuddin bin Ghazally,
- En. G. Linkam a/l Gunsakaran,
- En. Mohd Mustajab bin Md. Sinwani

#### Jab. Kesihatan

- En. Mohd Nizam bin Abu Samah,
- En. Iswah Yudi bin Daimi,
- En. Ahmad Azwal bin Rusidi

#### Jab. Perbendaharaan


- En. Muhammad Anas bin Azizan

#### Jab. Khidmat Pengurusan



- En. Mohd Hafizul bin Ramli

#### Jab. Bangunan

- Pn. Azlina binti Aziz



# KINABALU **BALU KAMI TAWAN!**





## GERAI HARAM GANGGU PROJEK PEMBESARAN SUNGAI

MPS telah menjalankan operasi bersepada merobohkan enam buah gerai yang dibina secara haram di atas tanah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Taman Selayang Indah. Operasi yang dijalankan pada 21 Ogos ini turut melibatkan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Imigresen dan JPS.

Kedudukan Gerai yang dirobohkan terletak di atas tanah rizab sungai JPS dan telah mengganggu pelaksanaan projek pembesaran sungai bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut. Antara gerai yang terlibat dalam operasi ini adalah bengkel motosikal, tempat penyembelihan ayam dan gerai menjual santan.

Sebelum operasi ini dijalankan, MPS telah beberapa kali mengeluarkan notis kepada peniaga dan yang terbaru adalah sebelum bulan Ramadhan yang lalu. Notis yang dikeluarkan adalah mengikut Seksyen 46 1(a) di bawah akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, iaitu kesalahan membina tiang (gerai) dan sebagainya di tempat awam.



## OPERASI PENDATANG HARAM

MPS dengan kerjasama pihak Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan satu operasi bagi mengekang kebanjiran warga asing di Bandar Tasik Puteri Rawang. Operasi yang diadakan pada 9 Julai 2014 berjaya menangkap seramai 24 warga asing atas pelbagai kesalahan.

Susulan operasi ini, sebuah kedai runcit dan pusat kimpal telah diarahkan tutup serta merta berikutan premis diusahakan oleh warga asing yang memperoleh permit perniagaan dengan bantuan orang tempatan. Pengusaha kedai ditahan dan dibawa ke Jabatan Imigresen untuk tindakan susulan. Pemeriksaan dan risikan secara berkala dan tertutup akan dibuat untuk memastikan kawasan itu tidak dijadikan penempatan warga asing.

## OPERASI ROBOH ANJUNG MELATI

SEBUAH struktur bangunan restoran dirobohkan oleh pihak MPS pada 20 September 2014. Restoran yang terletak di Taman Sri Gombak ini telah di kompaun pada Disember 2012 dan diminta mengemukakan dokumen pengesahan kebenaran menjalankan perniagaan.

Tindakan mengambil masa lama sebagai memberi ruang kepada penghantaran permohonan kebenaran merancang diikuti pelan bangunan. Dalam operasi tersebut kira-kira 50 anggota terlibat terdiri daripada MPS dan agensi luar termasuk PDRM dan TNB.



## TAKLIMAT DASAR PENYEWAAN GERAI MPS

**JABATAN** Penilaian dan Pengurusan Harta MPS telah mengadakan taklimat kepada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Majlis MPS mengenai dasar-dasar penyewaan gerai

Taklimat yang diadakan pada 21 Ogos 2014 bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas bagi kajian semula dasar-dasar sewaan gerai yang telah dilaksanakan

oleh MPS.

Antara isu-isu yang dikemukakan semasa sesi taklimat adalah seperti garis panduan penyewaan gerai, kenaikan kadar sewa, kenaikan sewa gerai berdasarkan tambahan bangunan, yuran pembaharuan sewaan (1 bulan sewa) dan penguatkuasaan.



## PELANCARAN OPS GATED & GUARDED



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor telah melancarkan Ops Gated & Guarded di Dewan Siantan Bangunan lama MPS pada 11 Ogos 2014.

## TAKLIMAT GARIS PANDUAN PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM, ITIK DAN UNGGAS



**TAKLIMAT** Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan Unggas di kawasan PBT Negeri Selangor peringkat MPS telah diadakan pada 9 Julai 2014 bertempat di Bilik Siantan, MPS. Taklimat telah disampaikan oleh En. Kamarulzaman Khan, daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Objektif taklimat tersebut adalah bagi memastikan tiada aktiviti penyembelihan di pasar-pasar awam dan mengawal kejadian penyakit berjangkit berpunca daripada aktiviti penyembelihan. Di samping itu, taklimat diberikan bagi memastikan keperluan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam negeri masing-masing memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang adalah halal mengikut Akta Perintah Perihal Dagangan (Tarif Halal) 2011.

### KEJOHANAN

## GOLF WORLDWIDE HOLDINGS SELANGOR GOLF MASTER 2014

MPS telah memberikan sumbangan sebanyak RM50,000 bagi menjayakan acara sukan golf berprestij, Kejohanan Golf Worldwide Holdings Selangor Masters 2014. Tuan YDP telah menyampaikan

sumbangan kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor di majlis penyerahan sumbangan yang telah diadakan di Kelab Golf Seri Selangor, Kota Damansara, pada 16 September 2014.



## PROGRAM IHYA RAMADHAN DYMM SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT

MAJLIS ini telah diadakan pada 22 Julai 2014 bersamaan 24 Ramadhan 1435H bertempat di Masjid Sg. Serai, Kuang. DYMM Sultan Selangor telah berkenan menghadiri majlis ini. Majlis ini juga turut dihadiri YAB. Dato' Menteri Besar, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Bandar dan Yang Dipertua PBT, Pegawai Daerah dan Ketua-ketua Jabatan Negeri Selangor.

Majlis yang bermula pada jam 5 petang itu telah dimulakan dengan

penyampaian sumbangan kepada 600 orang penerima meliputi anak-anak yatim, fakir, ibu tunggal dan saudara baru.



## PROGRAM KEMASKINI DATA CUKAI TAKSIRAN KAWASAN KAMPUNG

JABATAN Penilaian dan Pengurusan Harta telah melaksanakan program pengemaskinian data cukai taksiran kawasan kampung pada pertengahan bulan Ogos 2014.

Tujuan program ini diadakan untuk:

- Mewujudkan kerjasama penduduk kampung.
- Mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dari penduduk kampung berkenaan aspek pemilikan bangunan dan mana-mana bangunan rumah yang masih belum dikenakan cukai taksiran.
- Memberi pendedahan mengenai kerja-kerja penilaian terutamanya pertanian, kampung dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan fungsi jabatan dan Majlis.
- Pemberitahuan awal oleh kakitangan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta yang akan melaksanakan lawat periksa di tapak bagi memperolehi data.

Antara jabatan yang terlibat membuka kaunter ialah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Korporat.



## KARNIVAL PANGSAPURI KITA BERSIH, CERIA DAN HARMONI



KARNIVAL Pangapuri Kita Bersih, Ceria dan Harmoni telah diadakan pada 23 Ogos 2014 bertempat Pangapuri Laksamana Jaya B. Karnival ini merupakan julung kalinya diadakan dengan usahasama pihak Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Selayang bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Objektif program ini bagi memastikan penduduk dapat bekerjasama menjaga pangapuri mereka supaya berada dalam keadaan bersih, ceria dan harmoni serta selamat untuk diduduki.

Selain itu, program ini adalah sebagai medium untuk memberi penerangan serta pendedahan mengenai tanggungjawab penduduk kawasan berstrata dan juga kesedaran menjaga keselamatan terutama kawasan kediaman penduduk sekitar yang berstatus strata di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang. Program ini juga bertujuan untuk mengeratkan silatulrahim sesama jiran tetangga dan hubungan baik dengan Pihak Berkuasa Tempatan seterusnya agensi-agensi kerajaan yang lain.

Karnival ini turut disertai oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan MPS dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) yang mempunyai pengalaman luas untuk memberi taklimat di dalam segmen "Bicara Santai" bersama penduduk setempat.

Pelbagai aktiviti berlangsung seperti senamrolik, pertandingan mewarna, kaunter terbaik, ukiran tembakai dan pertandingan timbang bola raga.

## SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-57 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

**SAMBUTAN** Ulang Tahun Kemerdekaan Negara ke-57 peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 30 Ogos 2014 bertempat di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam yang bermula jam 8 malam.

Acara yang diadakan secara sederhana diadakan serentak dengan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Negeri Selangor.

MPS telah menghantar seramai 45 orang anggota untuk menyertai acara perbarisan yang disertai agensi-agensi

kerajaan, anak-anak syarikat, Pihak Berkuasa Tempatan, badan beruniform, pelajar-pelajar sekolah dan badan bukan kerajaan.



## PROGRAM LADIES DAY DILANCAR



Untuk memberi keselesaan kepada kaum wanita menggunakan kemudahan kolam renang dan gimnasium, MPS telah melancarkan program "Ladies Day" pada 25 Jun 2014 .

Melalui program ini, Pusat Gimnasium

di Stadium MPS akan dikhaskan untuk kaum wanita pada setiap hari Jumaat dan di Kompleks Renang, Kompleks Sukan Sri Siantan pada setiap hari Rabu.

## MAJLIS PENYERAHAN KENDERAAN MPS



**MAJLIS** penyerahan kenderaan kepada jabatan telah diadakan pada 23 Julai 2014. Sebanyak enam jabatan yang terlibat dalam penyerahan kenderaan, antaranya Jabatan Pengawal Keamanan dan Keselamatan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Korporat dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

## PROGRAM MESRA RAKYAT MPS



**DALAM** mengamalkan budaya kerja mesra rakyat, MPS mengadakan Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada hari Jumaat minggu pertama setiap bulan.

Melalui program ini, orang ramai berpeluang untuk menyelesaikan masalah seperti kompaun, pelesenan, pelan bangunan dan sebagainya secara terus dengan Tuan YDP dan pengarah-pengarah jabatan.

## PERHIMPUNAN BULANAN MPS





Puan Faridah Binti Abd Karim  
Ahli Majlis Zon 15

## KEJOHANAN PING PONG BEREGU PIALA AHLI MAJLIS ZON 15

Jawatankuasa Penduduk Zon 15 MPS dengan kerjasama daripada Kelab Belia Seri Gombak telah menganjurkan Kejohanan Ping Pong Bergu pada 23 Ogos 2014 bertempat di KSL Sport Centre Taman Sri Gombak.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru di

samping dapat memberi pendedahan awal kepada golongan belia tentang sukan ping pong. Selain itu juga, program ini bertujuan untuk menggalakkan golongan belia berkumpul bersama dengan melakukan aktiviti sihat lantas dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dengan masyarakat setempat.



Tuan Mustafakamal Bin Othman  
Ahli Majlis Zon 6

## PROGRAM MESRA RAKYAT DAN SUMBANGAN BULAN RAMADHAN ZON 6

Jawatankuasa Penduduk Zon 6 MPS telah mengadakan Program Mesra Rakyat dan sumbangan sempena bulan Ramadhan pada 25 Julai 2014 bertempat di Gombak Utara.

Program ini diadakan bertujuan untuk menyebarkan semangat "Memberi Adalah Sifat Mulia" terutama di bulan Ramadhan di samping dapat merapatkan hubungan silaturrahim dan mengekalkan gerak

kerja berpasukan antara wanita, petugas sukarelawan dan jemaah masjid.

Dengan adanya program ini juga secara tidak langsung dapat menimbulkan kesedaran dan rasa keinsafan dalam kalangan sukarelawan supaya sentiasa bersama-sama dalam membantu golongan kurang berasib baik.



Puan Norazlin Bin Md. Samsudin  
Ahli Majlis Zon 14

## PROGRAM KEMPEN "SAY NO TO PLASTIC BAG"

Jawatankuasa Penduduk Zon 14 MPS telah mengadakan Kempen "Say No To Plastic Bag" pada 12 dan 13 Julai 2014 bertempat di bazar Ramadhan Zon 14.

Program ini bertujuan untuk mendidik masyarakat supaya sayang dan peka terhadap isu alam sekitar dengan mengurangkan penghasilan sampah sarap dan membudayakan amalan kitar semula.

Program ini juga dapat memperkenalkan bahan alternatif sebagai pengganti beg plastik di samping dapat menyemai sifat bertanggungjawab dalam kalangan penduduk setempat dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Program ini dapat memberi impak positif terhadap pembangunan masyarakat setempat dimana penganjuran program ini telah menerima komitmen positif daripada orang ramai.

Selain itu juga, mereka turut mengedarkan risalah berkenaan alam sekitar untuk dijadikan bahan bacaan ketika di bazar Ramadhan. Setiap pengunjung yang hadir ke bazar Ramadhan turut berpeluang mendapatkan "Non-Woven Bag" secara percuma.



Tuan Ng. Kok Chuan  
Ahli Majlis Zon 22

## SAMBUTAN PESTA TANGLUNG ZON 22



JAWATANKUASA Penduduk Zon 22 MPS dengan kerjasama JKKK Kg. Sri Indah, Sg. Buloh telah mengadakan Pesta Tanglung pada 7 September 2014 bertempat di Balai JKKK Kg. Sri Indah, Sg. Buloh.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pemimpin dengan penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum serta mewujudkan sifat prihatin di samping dapat meningkatkan persefahaman kaum-kaum lain terhadap tradisi dan budaya kaum Cina.

Antara pengisian program yang telah diadakan adalah seperti sesi ramah mesra pemimpin bersama penduduk, pertandingan rekacipta tanglung, cabutan bertuah dan jamuan makan. Seramai 350 orang tetamu khususnya daripada penduduk setempat telah menghadiri program ini.



Tuan Amir Fazlee Bin Khalid  
Ahli Majlis Zon 12

## KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERTUTUP PIALA PUSINGAN

JAWATANKUASA Penduduk Zon 12 MPS dengan kerjasama Kelab Sepak Takraw Kg. Sg. Kertas, Batu Caves telah mengadakan Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Piala Pusingan pada 24 Ogos 2014 bertempat di Gelanggang Sepak Takraw Kg. Sg. Kertas.

Program ini diadakan bertujuan untuk menyediakan aktiviti yang berfaedah kepada golongan belia dalam mengisi masa lapang. Dengan adanya program seperti ini, bakat-bakat baru dapat dicungkil pelapis baru dan peneraju sukan sepak takraw di masa hadapan.

## TAKLIMAT PENGURUSAN INTEGRITI

**TAKLIMAT** Pengurusan Integriti telah diadakan pada 25 September 2014 bertempat di Dewan Siantan, Bangunan Lama MPS.

Taklimat tersebut telah dihadiri seramai 65 pegawai terdiri dari kumpulan A dan B. Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Ismail bin Abdul Jalil, Pengarah Sektor Politik, Institut Integriti Malaysia.

Taklimat tersebut adalah bertujuan memberi kesedaran kepada kakitangan dan pegawai kerajaan berkaitan dengan keperluan penjawat awam berintegriti semasa menjalankan tugas demi untuk menjaga imej perkhidmatan awam.



## LAWATAN TAPAK PELUPUSAN SANITARI SISA PEPEJAL BUKIT TAGAR

**SEBAGAI** pendedahan kepada pengurusan pelupusan sisa pepejal, satu lawatan ke tapak pelupusan sanitari sisa pepejal Bukit Tagar telah diadakan pada 26 Ogos 2014.

Tuan YDP mengetuai lawatan yang terdiri daripada Ahli Majlis, Pengarah Jabatan dan Pegawai MPS.

Rombongan telah diberi taklimat ringkas mengenai operasi dan pengurusan pelupusan sisa pepejal di Bukit Tagar dan juga sesi lawatan berpandu di sekitar kawasan tersebut.

Syarikat KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd. telah membangunkan Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (PPSPS) Bukit Tagar sejak 2005 sebagai sebuah pusat pelupusan bertaraf dunia dari segi rekabentuk,

operasi dan penyelenggaraan serta dilengkapi dengan loji rawatan yang berdaya maju.

Lawatan ini dapat memberi pendedahan dengan sistem teknologi terkini yang digunakan di pusat pelupusan ini.



**mes** Merakyatkan Ekonomi Selangor  
sejak 2008

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,  
Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel: 03-5521 8740 atau 03-5521 8741  
Faks: 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rantai Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-5510 3468 / 3472, Faks: 03-5510 3455  
E-mail: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT**  
Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S 40503 Shah Alam,

Tel: 03-5544 7385 atau 03-5521 2275  
Faks: 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam.  
Tel: 03-5544 7306 atau 03-5512 3618,  
Faks: 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi Dan Inovasi  
Tel: 03-5519 4346 atau 03-5544 7622, Faks: 03-5519 3304



Negeri Idaman, Maju,  
Sejahtera dan Berkebajikan

**selangorku**  
Hasil Negeri Untuk Rakyat

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**

Kumpulan Darul Ehsan Berhad  
16th-17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5510 3999, Faks: 03-5510 9977  
E-mail: communications@kded.com

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BANTUAN DAN GALIAN**

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd  
No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29  
Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5518 7735, Faks: 03-5518 7736  
E-mail: info@semesta.com.my  
url: www.semesta.com.my

## KARNIVAL 'INTERNATIONAL BASE JUMP' GUA DAMAI

MPS bersama Wira Advanture Consultant (WAC) telah menganjurkan Karnival 'International Base Jump' Gua Damai pada 23 dan 24 September 2014 bertempat di Gua Damai, Wira Damai Selangor.

Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada 47 peserta lelaki dan 3 peserta perempuan yang mewakili dari 13 buah negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, Perancis, Belanda, Kuwait, Belarus termasuk Malaysia telah terlibat dalam menjayakan sukan ekstrem.

5 peserta dari Malaysia di bawah naungan Wira Advanture Consultant telah melakukan terjunan pada hari kejadian. Karnival ini merupakan acara pemanas badan untuk para peserta menyertai Terjunan Base Jump Menara KL.



## KUNDANG 'INTERNATIONAL JET SPORT CHALLENGE' 2014

MPS dengan kerjasama Tourism Selangor serta Persatuan Jet-Ski dan Sukan Air Selangor (PJSAS) telah berjaya menganjurkan Kejohanan 6th Kundang 'Invitational Jetsports Challenge' 2014 yang diadakan pada 29 hingga 31 Ogos 2014 bertempat di Tasik Biru Kundang, Rawang.

Turut diadakan Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-57 dan promosi Selangor 'Shine' iaitu Tahun Melawat Selangor 2014. 20 buah pasukan dari negara Serantau Asia seperti Jepun dan Brunei telah menyertai kejohanan ini termasuklah beberapa pasukan yang mewakili negeri dan kebangsaan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YAB. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor.

Sepanjang dua hari penganjuran seramai hampir 2,000 pengunjung telah hadir untuk menyaksikan kejohanan ini secara lebih dekat lagi.